

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

## **STRUKTUR DAN PEMIKIRAN LAGU RAKYAT DALLING-DALLING**

**MOHD FAZIL AJAK**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2015**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

**ABSTRAK**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kajian ini memberi tumpuan terhadap struktur dan pemikiran dalam lagu rakyat Dalling-dalling. Dalling-dalling merupakan lagu rakyat masyarakat Suluk yang terdiri daripada bait-bait puisi tradisional. Teori Teksdealisme digunakan untuk melihat lapisan idea dalam lagu. Pandangan Za'ba pula untuk melihat sama ada struktur Dalling-dalling ini menepati ciri pantun atau sebaliknya manakala pemikiran berpandukan gaya bahasa yang digunakan. Dalling-dalling ialah tajuk lagu dan juga tarian yang dipanggil tarian Dalling-dalling. Tarian Dalling-dalling diiringi dengan lagu Dalling-dalling di mana kadang kala dinyanyikan secara spontan tanpa sebarang tarian. Lagu ini dinyanyikan ketika majlis keramaian. Tema Dalling-dalling ialah tentang kecantikan wanita dan juga tentang percintaan. Fungsinya adalah untuk menyindir, menegur dan memberi nasihat kepada khalayak. Dalling-dalling menggunakan kiasan berbentuk perbuatan. Berbeza dengan puisi tradisional Melayu, unsur flora dan fauna sering digunakan namun dalam Dalling-dalling unsur tersebut kurang digunakan. Dalling-dalling tidak mempunyai bentuk yang tetap dan tidak mempunyai pembayang yang khusus. Keseluruhan rangkap adalah berkaitan. Dalling-dalling sebagai salah satu warisan puisi tradisional yang menjadi lagu rakyat adalah lambang pemikiran dan sifat masyarakat Suluk yang mementingkan hubungan sesama manusia dan saling berpesan antara satu sama lain. Kajian ini mendapati bahawa Dalling-dalling lebih mirip kepada seloka dari segi tema dan fungsinya.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**STRUCTURE AND IDEAS IN DALLING-DALLING FOLK**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**ABSTRACT**

This study encompasses on the structure and ideas in the Suluk ethnicity folk song namely Dalling-dalling. Dalling-dalling folk song structure consists of traditional poetic stanzas. Texdealism Theory was utilized to uncover layers of meanings hidden in the song. In addition, Za'ba's analytical approach has also been used to determine whether the song's structure resembles pantun as well as ideas that inherent in the song. The analysis is mainly based on the language style. Dalling-dalling is normally accompanied by a dance with the same name, Dalling-dalling. However, the song can stand alone and be sung without being accompanied with the dance. Dalling-dalling song is normally sung in public occasions and often centralized on women's beauty and reflected about love. The function is to elicit sarcasm, to reprimand and to advice the masses. Dalling-dalling utilizes actions as metaphor. Unlike traditional Malay's poems that usually uses elements of flora and fauna, Dalling-dalling seldom uses such elements. It too does not have a fixed form and does not provide specific clues. All stanzas are related to each other holistically. The song as part of the Suluk traditional poetic heritage, reflects the thoughts and nature of the community that emphasizes relationships between members of the community and necessity to advice one party to another. This research shows that Dalling-dalling is closer to the form of seloka in terms of themes and functions.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**KANDUNGAN**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

**Muka Surat****PENGHARGAAN**

iii

**ABSTRAK**

iii

**ABSTRACT**

iv

**KANDUNGAN**

v

**SENARAI JADUAL**

xiv

**SENARAI RAJAH**

xvi

**BAB 1****PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	11
1.3	Objektif Kajian	12
1.4	Soalan Kajian	12
1.5	Kepentingan Kajian	13
1.6	Batasan Kajian	14
1.7	Kaedah Kajian	16
1.8	Definisi Operasional	17
1.8.1	Struktur	17
1.8.2	Pemikiran	17
1.8.3	Lagu rakyat	17
1.8.4	Suluk	18

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

1.8.5 Dalling-dalling

1.1.1 Dublun

19

21

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	23
2.2 Dalam negara	24
2.3 Luar negara	26
2.4 Kesimpulan	28

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	29
3.2 Kekuatan Teori Teksdealisme	31
3.3 Teori Teksdealisme	34
3.4 Prinsip Teksdealisme	34
3.4.1 Prinsip Kehadiran	35
3.4.1.1 Konsep Kehadiran	37
3.4.1.2 Prinsip Kehadiran	40
3.4.1.3 Proses Kehadiran	41
3.4.1.4 Struktur Kehadiran	43
3.4.1.5 Estetik Kehadiran	44

3.4.1.6 Pengalaman Bacaan	44
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.4.2 Prinsip Perlanggaran	45
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.4.3 Prinsip Pengukuhan	46
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.4.4 Prinsip Individualisme	48
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.5 Puisi Tradisional	49
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.5.1 Pantun	50
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.5.2 Syair	52
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.5.3 Nazam	52
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.5.4 Gurindam	53
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.5.5 Seloka	53
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.5.7 Teka-Teki	54
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.5.8 Peribahasa	54
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.5.9 Teromba	55
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.5.10 Talibun	55
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.6 Gaya Bahasa	56
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.6.1 Metafora	56
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.6.2 Personifikasi	56
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.6.3 Perulangan	57
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.6.3.1 Anafora	56
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.6.3.2 Epifora	57
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
3.6.3.3 Woordopname	58
	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	3.6.3.4 Homoioteleuton	58
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	3.6.3.5 Parallelisme	58
	3.6.4 Sinekdoki	58
	3.6.4.1 Pars Pro Toto	59
	3.6.4.2 Totem Pro Toto	59
	3.6.4.3 Metonimi	60
	3.6.5 Asonansi	60
	3.6.6 Eufemisme	61
	3.6.7 Litotes	61
3.7	Terjemahan	61
3.8	Reka Bentuk Kajian	62

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	64
4.2	Dalling-Dalling	66
4.3	Asal Usul Tarian Dalling-Dalling	67
4.4	Lirik Lagu Dalling-Dalling	70
4.4.1	Lirik 1	71
4.4.2	Lirik 2	72
4.4.3	Lirik 3	72

4.4.4 Lirik 4	75	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.4.5 Lirik 5	75	
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.4.6 Lirik 6	76	
4.4.7 Lirik 7	77	
4.4.8 Lirik 8	79	
4.4.9 Lirik 9	80	
4.4.10 Lirik 10	82	
4.5 Kesimpulan	84	

## BAB 5 ANALISIS KAJIAN

5.1 Pengenalan	86
5.2 Terjemahan	87
5.3 Lirik Dalling-Dalling	89
5.3.1 Lirik 1	89
5.3.2 Lirik 2	92
5.3.3 Lirik 4	94
5.3.4 Lirik 5	95
5.3.5 Lirik 6	98
5.3.6 Lirik 7	100
5.3.7 Lirik 8	107

**5.4 Kesimpulan**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**111**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**5.5 Analisis Struktur Lirik**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**111**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**5.5.1 Kesimpulan**

124

**5.7 Analisis Pemikiran**

125

**5.7.1 Kesimpulan**

144

**5.8 Hasil Kajian****5.8.1 Pengenalan**

145

**5.8.2 Struktur**

145

**5.8.3 Pemikiran**

146

**5.8.4 Prinsip Kehadiran**

148

**5.8.4.1 Proses Kehadiran Dalam Dalling-Dalling**

149

**5.8.5 Prinsip Perlanggaran**

152

**5.8.6 Prinsip Pengukuhan**

154

**5.8.7 Keunggulan**

155

**5.9 Kesimpulan**

157

**BAB 6 RUMUSAN****6.1 Pengenalan**

158

**6.2 Perbincangan**

159

**6.3 Cadangan**

160

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**6.4 Rumusan**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**161**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**RUJUKAN****163****LAMPIRAN**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## SENARAI JADUAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

### **Jadual**

### **Halaman**

4.1	Senarai Lirik Dalling-Dalling	83
5.1	Analisis Struktur Lirik 1	113
5.2	Analisis Struktur Lirik 2	114
5.3	Analisis Struktur Lirik 4	115
5.4	Analisis Struktur Lirik 5	116
5.5	Analisis Struktur Lirik 6	117
5.6	Analisis Struktur Lirik 7	119
5.7	Analisis Struktur Lirik 8	123
5.8	Analisis Pemikiran Lirik 1	125
5.9	Analisis Pemikiran Lirik 2	127
5.10	Analisis Pemikiran Lirik 4	129
5.11	Analisis Pemikiran Lirik 5	132
5.12	Analisis Pemikiran Lirik 6	134
5.13	Analisis Pemikiran Lirik 7	138

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	5.14	Analisis Pemikiran Lirik 8	142
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
5.15	Bahasa Asing Dalam Dalling-Dalling		153



## SENARAI RAJAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**Rajah**

**Halaman**

1.1	Pengelompokan Bahasa Jenis Sabah	10
3.1	Prinsip Kehadiran Fazil Ajak	36
3.2	Konsep Kehadiran Fazil Ajak	39
3.3	Prinsip Kehadiran Fazil Ajak	41
3.4	Unsur-Unsur Kehadiran Fazil Ajak	42
3.5	Struktur Kehadiran Fazil Ajak	43
3.6	Model Terjemahan Komprehensif	62
3.7	Reka Bentuk Kajian	63

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Setiap bangsa dikurniakan kelebihan tersendiri. Orang Suluk di Sabah bukanlah satu bangsa yang asing dalam sejarah Borneo Utara dan mempunyai warisan kebudayaannya yang unik. Peranan bangsa Suluk sama ada di Sabah atau di Filipina sejak dari dahulu lagi menghiasi latar sejarah sehingga terbentuknya dua buah negara iaitu Malaysia dan Filipina yang sebelumnya merupakan sebuah kawasan tanah jajahan di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu dan Kesultanan Brunei. Bahasanya pernah menjadi *lingua franca* yang dikenali sebagai bahasa Sug atau *Sinug* oleh dan mewarisi penggunaan tulisan jawi iaitu *sulat sug*. Dari aspek sejarahnya,

Asmah Haji Omar (1983, 410), menyebut *the Suluk are muslims. They embrace Islam*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
*they acquired from the muslim missionaries but also the Malay-Arabic script which they use for religious and other writings.*

Peranan masyarakat Suluk bukan sahaja dapat dilihat dalam tinggalan institusi berajanya tetapi peranannya dalam menyebarkan syiar Islam dapat dilihat melalui peninggalan bukti kitab-kitab tulisan tangan para ulama dalam bahasa Suluk. Menurut Muhibbin Yusin (1990), berpendapat bahawa penerimaan agama Islam oleh penduduk Sabah ialah pada awal abad ke-15 iaitu di kawasan pantai timur melalui kepulauan Sulu diikuti kawasan pantai barat kira-kira pada akhir abad yang sama melalui Kesultanan Brunei. Pantai timur yang disebutkan melalui kepulauan Sulu sudah pasti melibatkan masyarakat Suluk bersama dengan suku kaum yang lain di sekitarnya.

Jika dilihat daripada rentetan sejarah, masyarakat Suluk sering mengalami pergelakan dan penghijrahan secara tidak langsung menyebabkan unsur kebudayaan mereka juga terjejas. Pergolakan tersebut berlaku sehingga sekarang turut menjelaskan hubungan dan mencetuskan konflik masyarakat Suluk terutamanya di Malaysia dan Filipina. Asmah Haji Omar (1983, 408), menyifatkan bahawa penghijrahan orang Suluk ke Sabah disebabkan oleh Perang Moro, penolakan proses Kristianisasi dan juga kegiatan perhambaan. Namun begitu, hal ini tidak bermakna kehadiran orang Suluk di Sabah hanya bermula setelah perang tersebut berlaku. Pergerakan mereka yang aktif melalui hubungan perdagangan dan sistem pemerintahan juga menempatkan masyarakat Suluk di Borneo. Hal ini kerana hubungan orang Suluk dengan Brunei amatlah akrab sekali. Ia dapat dibuktikan melalui penyataan Asmah Haji Omar (1983), yang dipetik seperti berikut.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
DRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
*"Relationship between the Suluk people of the Sulu Island and the people of the former North Borneo (inclusive of Brunei) was not confined to marriages between the ordinary people but had also extended to the royal household. Cesar A. Majul has made mention of a marriage between a Sultan of Brunei to a daughter of the Sultan of Sulu. The fact that Brunei had always turned to Sulu for assistance nineteenth centuries is an indication of the close relationship between the two Sultanate."*

Asmah Haji Omar (1983, 408-409)

Perkahwinan diraja yang berlaku dalam kedua-dua kesultanan ini mengeratkan lagi hubungan kedua-dua bangsa dan ia secara tidak langsung diikuti oleh rakyat biasa. Hubungan dan laluan ke Brunei juga terbuka melalui hubungan baik yang telah wujud sejak sekian lama. Hal ini dijelaskan lagi oleh F. Delor Angelas yang dipetik dalam Asmah Haji Omar (1983), menyebut,

*The Suluk of the Sulu Island and the Palawan, as much as the other natives of Sabah, had already been under Brunei rule in 1565 when the Spaniards arrived. The Sulu archipelago was around 1578 ruled by a pengiran from Brunei.*

F. Delor Angelas (1969, 102)

Seterusnya Asmah Haji Omar (1983), menegaskan lagi kedudukan orang Suluk yang sering disalah tafsir seperti berikut,

*Indigeniety for the people should not be interpreted within the restricted political enclosure which they are subjected to, but should be seen in the framework of linguistic and cultural background. And as far as the Suluk are concerned, be they in Sabah or the Philippines-ruled Sulu Island, they are indigenous to the soil.*

Asmah Haji Omar (1983, 409)

Pandangan masyarakat terhadap orang Suluk yang sering disamakan dengan Suluk di Filipina juga mengundang masalah disebabkan oleh imej yang dibawa oleh pendatang tanpa izin di Sabah. Apabila isu kerakyatan dan pandangan serong mendominasi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
masyarakat maka orang Suluk di Sabah seolah-olah tidak wujud dan bukan sebahagian daripada anak negeri malahan timbul kekeliruan apabila Suluk disamakan dengan suku kaum Bajau Laut sama ada dari sudut budaya mahupun identitinya. Suluk sebagai penduduk asal meliputi kawasan yang luas dahulunya kini sudah berubah apabila kedudukan mereka perlu dilihat dari sudut perundangan iaitu Undang-Undang Anak Negeri Sabah yang cukup jelas melindungi hak dan kepentingan masyarakat Suluk bersama-sama dengan etnik yang lain di Sabah.

Orang Suluk mempunyai ciri tersendiri dan tidak wajar disamakan dengan suku kaum Bajau yang mendakwa mereka berasal dari Johor. Namun begitu terdapat persamaan budaya, bahasa dan cara hidup kedua-dua kelompok bangsa ini malah persamaan ini juga boleh dilihat pada suku kaum yang lain seperti orang Sungai, Idahan dan Dusun. Persamaan ini merupakan warisan daripada sejarah lampau yang meninggalkan kesan kepada masyarakat tersebut sehingga ke hari ini. Persamaan ini dapat dilihat oleh Asmah Haji Omar (1993), sebagai gelombang timbal balik, iaitu perpindahan pergi balik yang berlaku sepanjang masa antara kawasan-kawasan. Jika dilihat hal ini masih berlaku sehingga sekarang dalam masyarakat Suluk dan perhubungan sudah terjalin sejak sekian lama di kawasan yang meliputi Borneo dan Kepulauan Sulu.

Di Sabah masyarakat Suluk dapat dilihat dalam beberapa kawasan. Antaranya menurut Asmah Haji Omar (1983), iaitu,

*"These people are found in Kudat, Tawau, Lahad Datu, Semporna, Sandakan, and on the neighbouring island. On the island of Tambisan alone, there are about 3,000 of them. They devide themselves according to their locations of origin in the Sulu archipelago. Hence there are the*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
*Bongao Suluk, the Palawan-Suluk, the Parang-Suluk, the Cotabato-Suluk, the Tawi-Tawi-Suluk, and so on.”*

Asmah Haji Omar (1983, 408)

Keadaan ini amat berbeza dengan suku kaum yang lain di Sabah seperti suku kaum Bajau Laut dan Kadazandusun yang dipecahkan berdasarkan kawasan atau pulau kerana memiliki bahasa dan budayanya tersendiri. Namun bagi masyarakat Suluk, pemecahan yang disebutkan seperti di atas pula tidak membawa kepada perbezaan bahasa atau budaya cuma ia sekadar rujukan untuk mengetahui asal usul seseorang itu.

Masyarakat Suluk berada hampir di seluruh kawasan dalam bilangan yang sedikit. Mereka juga sering berhijrah pada zaman dahulu dan populasi mereka yang sedikit itu juga disebabkan oleh peperangan yang kerap berlaku. Orang Suluk mempunyai satu sifat iaitu mudah berasimilasi dengan masyarakat lain sama ada dari segi cara hidup, bahasa dan budaya. Dalam erti kata lain, unsur perpaduan dan toleransi dalam kalangan orang Suluk amatlah tinggi. Bukti sejarah lama yang dapat dilihat pada hari ini ialah generasi masyarakat Suluk di China yang terpisah semenjak tahun 1417. Memetik kenyataan akhbar *China Daily* (2014),

*“...in 1417, three kings of Sulu, which now belongs to the Philippine, came to China with their families and subordinates. One king fell ill and died near Dezhou. The Chinese emperor Yong Le (1360-1424) ordered a grand funeral and had a cemetery built.”*

*China Daily* (2014, 27)

Keturunan Suluk yang telah bermastautin di China sejak ratusan tahun ini pernah datang ke Kepulauan Sulu untuk melawat makam-makam kesultanan sebagai

Lambang penghormatan mereka terhadap asal-usul nenek moyang. Meskipun mereka

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
N IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
namun mereka mengetahui darah yang mengalir di dalam tubuh mereka adalah darah keturunan Suluk. Keturunan mereka telah dimuliakan sehingga diberi penghormatan oleh Maharaja China pada waktu itu sehingga dianugerahkan kerakyatan China dan dikurniakan penempatan atau perkampungan khas.

Sifat masyarakat Suluk yang patuh dan taat kepada pembesar mereka dan mempunyai kelebihan dalam ilmu pelayaran menjadikan bangsa ini banyak terdedah dan bercampur dengan bangsa asing. Ketamadunan mereka terbina hasil daripada hubungan diplomatik dengan negara luar dan percampuran dengan pelbagai bangsa. Namun pada masa yang sama, banyak konflik yang berlaku sama ada dalam kalangan pemimpin atau pembesar mereka dengan pihak luar sehinggalah membawa kepada perperangan yang panjang. Rentetan daripada masalah-masalah ini, warisan kebudayaan Suluk tidak berkembang luas dalam kalangan masyarakatnya. Dalam erti kata lain, adat-istiadat dan kebudayaannya tidak lagi dapat dipraktikkan secara sempurna seperti dalam masyarakat Cina atau India. Oleh yang demikian warisan budaya ini kian pupus kerana tidak diamalkan secara berterusan oleh generasi muda, termasuklah lagu Dalling-dalling. Masyarakat umumnya mengenali tarian *Pangalay* sebagai tarian orang Suluk. Dalling-dalling berkait rapat dengan tarian *Pangalay*. Menurut Ligaya Fernando Amilbangsa (2012), perkataan *Pangalay* berasal daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud tarian kuil. Gerak tarinya juga adalah sukar walaupun dilihat mudah. Ciri dalam tarian ini juga menurut beliau menyerupai tarian klasik di Kemboja, Burma, Thailand, Jawa dan Bali. Bagi pengkaji, gerak tari *Pangalay* ini bukanlah tarian yang mempunyai unsur Hindu-Buddha tetapi tarian ini merupakan seni yang dapat dilihat dalam masyarakat Suluk sejak sekian lama.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
Hubungan etnik Melayu ini adalah akrab dan perkongsian budaya dan bahasa juga berlaku. Tarian *Pangalay* ini juga turut ditarikan oleh orang Bajau Laut namun dapat dilihat beberapa perbezaan gerak tari dan muzik iringannya.

Menurut Muhiddin Yusin (1990, 11), ketenteraman dan keharmonian hidup masyarakat peribumi di Sabah tidak pernah terancam sebelum kedatangan kuasa penjajah ke negeri itu. Sungguhpun pada masa itu sebahagian dari Sabah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu dan sebahagiannya yang lain berada di bawah Kesultanan Brunei, penduduk negeri itu masih dapat meneruskan kehidupan dalam suasana yang damai dan tenteram. Hal ini adalah kerana nilai-nilai kebudayaan dari kedua-dua kesultanan itu mempunyai persamaan dengan nilai-nilai kebudayaan tempatan dan dengan itu tidak membawa kesan percanggahan kepada masyarakat peribumi. Justeru dapatlah dilihat orang Suluk hidup dalam keadaan yang baik bersama dengan masyarakat berlainan suku.

Suluk mudah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang mereka alami. Gambaran terhadap keadaan ini dijelaskan dalam sistem aturan hidup masyarakat Suluk yang lazimnya menjadi penguasa di suatu tempat seperti yang disebut oleh A. L Keber dalam S. Abdillah Hassan (1973, 19), iaitu penduduk asli kepulauan Sulu tadi mulanya mereka adalah di antara suku kaum nelayan dan peniaga-peniaga yang lama-kelamaan ada di antara mereka yang dapat menyesuaikan diri untuk tinggal di kawasan pedalaman sebagai petani dan bercucuk tanam. Kedatangan Islam dan pengaruh-pengaruhnya, kelompok *Tausug* ini telah berjaya mewujudkan organisasi politik dan ekonomi yang kompleks. Apabila kelompok lain tiba seperti Samal, Bajau dan lain-lain kelompok, orang *Tausug* itu masih dapat


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
mengekalkan kedudukan mereka dan berjaya memerintahkan kaum-kaum yang baru  
tiba itu. Mereka memberi kawalan dan perlindungan dengan syarat-syarat yang kaum  
pendatang tadi terpaksa membuat beberapa tugas-tugas tertentu.

Harun Mat Piah *et al.* (2006), menyatakan bahawa tradisi keilmuan yang berkembang di Melaka pada abad ke-15 turut berkembang sebagai pusat dagang, malah telah menyebarkan budaya ilmu ke negeri-negeri jiran yang berhubungan dengannya seperti Jawa, Brunei dan Sulu. Dua orang wali terkenal di Tanah Jawa, iaitu Sunan Bonang dan Sunan Giri pernah datang ke Melaka menuntut pengetahuan agama Islam pada suku akhir abad ke-15.

Ketamadunan Suluk bukan sahaja dilihat daripada bukti sejarah silamnya yang agung sebagai penguasa, malahan seiringan dengan itu bahasanya juga memainkan peranan yang sangat penting. Penggunaan bahasa Suluk turut ditulis dalam kitab Injil yang telah dicetak pada tahun 1931 oleh seorang paderi Kristian dengan tajuk “*Kitab Injil Ni Luka*”. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Suluk turut dituturkan oleh bangsa asing dan sudah pasti wujud beberapa perkataan asing yang diserap masuk menjadi sebahagian bahasa Suluk yang digunakan sehingga pada hari ini. Berdasarkan rentetan sejarah, dapatlah dilihat bahawa, adalah mustahil bagi masyarakat Suluk tidak mempunyai atau memiliki warisan kebudayaannya sendiri. Lebih-lebih lagi bangsa ini bukanlah satu bangsa yang asing dalam dunia Melayu. Maka melalui kajian ini, pengkaji berusaha mencungkil identiti masyarakat Suluk melalui struktur dan pemikiran dalam lagu rakyatnya yang terdiri daripada bait kata puisi tradisional. Bahasa Suluk merupakan tunjang utama yang dapat dijadikan sandaran untuk melihat warisannya yang digunakan dalam lagu Dalling-dallings

Menurut Asmah Haji Omar (1993, 85), selain dari bahasa Bajau Darat dan Suluk yang mempunyai bentuk ‘halus’ bagi orang ketiga, bahasa-bahasa lainnya tidak memperlihatkan adanya bentuk yang serupa itu. Dalam bahasa Melayu terdapat bentuk halus dan kasar bagi semua diri, hasil dari adanya *diglossia*. Masyarakat bahasa-bahasa Sabah tidak ditandai oleh *diglossia* seperti yang terdapat dalam masyarakat bahasa Melayu. Adanya bentuk halus secara sangat terbatas dalam bahasa Bajau Darat dan Suluk itu boleh dikembalikan kepada pertembungan masyarakat bahasa-bahasa tersebut dengan masyarakat yang berdiglosia dalam zaman silam. Orang-orang Bajau Darat, misalnya, mempunyai cerita yang mengesan asal-usul mereka dari Brunei Darussalam dan Johor, yang kedua-duanya terletak di bawah pemerintah beraja. Orang-orang Suluk pula mempunyai perkaitan dengan kesultanan Suluk yang memerintah Borneo Utara dan Filipina satu waktu yang lalu.

Selain itu juga menurut Asmah Haji Omar (1993, 91), menyatakan bahawa bahasa-bahasa Suluk, Bajau Darat dan Bajau Laut memperlihatkan persamaan dengan subkeluarga Sarawak dan juga dengan bahasa Melayu melalui ciri semantik. Pengelompokan bahasa Suluk dapat dilihat daripada gambar rajah di bawah ini.



*Rajah 1.1. Pengelompokan Bahasa Jenis Sabah. Bahasa Suluk dalam subkeluarga Suluk-Bajau. Dipetik dan diubahsuai daripada Asmah Haji Omar, 1993, dalam Buku *Susur Galur Bahasa Melayu*, halaman 92.*

Berdasarkan gambar rajah di atas, dapat dilihat bahawa bahasa Suluk merupakan subkeluarga Suluk-Bajau. Bahasa Suluk mempunyai persamaan yang hampir dengan bahasa Melayu. Meskipun wujud konflik untuk meletakkan kedudukan bahasa Suluk sebagai bahasa keluarga Filipina, namun harus diingat, asal-usul bahasa Suluk tidak sewajarnya disamakan seperti persempadan politik yang berlaku pada masa sekarang. Bahasa tersebut sudah terbentuk lagi awal sebelum terbentuknya Malaysia dan Filipina.

**1.2 Penyataan Masalah**

Kajian secara serius terhadap lagu rakyat masyarakat Suluk di Sabah belum pernah dibuat lagi terutamanya di peringkat sarjana. Bahan-bahan kajian terhadap masyarakat Suluk dalam pelbagai bidang seperti bahasa, sejarah, budaya, kesusastraan, politik dan sebagainya banyak dibuat di peringkat latihan ilmiah sahaja. Hal ini termasuklah kajian mengenai tarian Dalling-dalling. Kajian dan usaha mengumpul kosa kata bahasa Suluk sudah pun dibuat sekitar tahun 1878 oleh sarjana barat dan ianya terus dikaji sehingga awal tahun 1920-an. Kajian bahasa ini meliputi Kepulauan Sulu dan Borneo terutama di Sandakan. Menurut Asmah Haji Omar (1983), seperti berikut,

*“...the only description so far on the Suluk language of Sabah is M. B Hardaker’s “An Introduction to Suluk”. In terms of words-list, there are two known ones. The first is by Cowie, English-Sulu-Malay Vocabulary, London, 1893. The other is Hardaker’s vocabulary which is entitled “An Introductory Vocabulary of Suluk”.*

Asmah Haji Omar (1983, 11)

Kajian terhadap bahasa Suluk di Sabah dipelopori oleh M. B. Hardaker dengan buku yang bertajuk *An Introduction to Suluk* manakala untuk senarai kata pula terdapat dua buah buku yang telah dihasilkan yang bertajuk *English-Sulu-Malay Vocabulary* pada tahun 1893 oleh Cowie dan M. B. Hardaker yang bertajuk *An Introductory Vocabulary of Suluk*.